

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (PINDAAN JADUAL 1) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 159A Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan Jadual 1) 2026**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2026.

Pindaan Jadual 1

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 dipinda dalam Jadual 1, dalam Bahagian 2, dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

“(b) suatu skim unit amanah yang ditubuhkan di dalam Malaysia yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;”.

Dibuat 18 Ogos 2026

[SC.D35.100-1/1/1 – 2026 (SCM)(Amd.Sch1)Order; PN(PU2)523/IV]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II